

ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

FAKTA UTAMA

KEDUDUKAN KEWANGAN	PRESTASI KEWANGAN	AKAUN MEMORANDUM
↓ WANG TUNAI 2023 – RM27.607 bilion 2022 – RM48.503 bilion	↑ TERIMAAN 2023 – RM316.469 bilion 2022 – RM295.764 bilion	↓ AKAUN BELUM TERIMA 2023 – RM98.367 bilion 2022 – RM105.824 bilion
↑ PELABURAN 2023 – RM42.159 bilion 2022 – RM35.153 bilion	↑ HASIL 2023 – RM314.959 bilion 2022 – RM294.357 bilion	↑ PELABURAN 2023 – RM34.822 bilion 2022 – RM34.030 bilion
↔ HASIL DISATUKAN 2023 – RM11.863 bilion 2022 – RM11.863 bilion	↑ BELANJA MENGURUS 2023 – RM311.267 bilion 2022 – RM292.693 bilion	↑ HUTANG PERSEKUTUAN 2023 – RM1.173 trillion 2022 – RM1.080 trillion
↑ PINJAMAN DISATUKAN 2023 – RM0.149 bilion 2022 – RM0.00	↑ BELANJA PEMBANGUNAN 2023 – RM96.089 bilion 2022 – RM71.574 bilion	↓ LIABILITI KEWANGAN 2023 – RM319.262 bilion 2022 – RM320.142 bilion
↓ AMANAH DISATUKAN 2023 – RM57.754 bilion 2022 – RM71.793 bilion	↓ DEFISIT 2023 – RM90.887 bilion 2022 – RM99.482 bilion	↑ LIABILITI PERSEKUTUAN 2023 – RM1.492 trillion 2022 – RM1.400 trillion

1. LATAR BELAKANG

Analisis kewangan yang dijalankan oleh Jabatan Audit Negara terhadap butiran Penyata Kewangan tahun 2023 dan tahun sebelumnya adalah berdasarkan maklumat dalam Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Penyata Kewangan.

2. KEDUDUKAN KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

2.1. Kedudukan Kewangan Kerajaan Persekutuan adalah merujuk kepada pegangan Wang Awam dalam Kumpulan Wang Disatukan. Wang Awam terdiri daripada wang tunai dan pelaburan yang dipegang oleh Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan.

2.2. Pada akhir tahun 2023, kedudukan Wang Awam adalah berjumlah RM69.766 bilion. Wang Awam terdiri daripada wang tunai berjumlah RM27.607 bilion dan pelaburan berjumlah RM42.159 bilion.

2.3. Wang Awam dipegang oleh Akaun Hasil Disatukan sejumlah RM11.863 bilion (17.0%), Akaun Amanah Disatukan sejumlah RM57.754 bilion (82.8%) dan Akaun Pinjaman Disatukan sejumlah RM0.149 bilion (0.2%).

3. PRESTASI KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

3.1. Jumlah terimaan Kerajaan Persekutuan terdiri daripada hasil, pinjaman dalam dan luar negeri, bantuan luar negeri serta terimaan lain. Terimaan ini digunakan untuk membiayai perbelanjaan mengurus, perbelanjaan pembangunan, bayaran balik pinjaman dan perbelanjaan lain. Prestasi Kewangan Kerajaan Persekutuan pada tahun 2023 berbanding 2022 adalah seperti dalam **Jadual 1**.

**JADUAL 1
PRESTASI KEWANGAN PADA TAHUN 2023 BERBANDING 2022**

BUTIRAN	TAHUN		PERUBAHAN	
	2023 (RM BILION)	2022 (RM BILION)	RM BILION	%
Hasil	314.959	294.357	20.602	7.0
Pelbagai Terimaan	1.510	1.407	0.103	7.3
Jumlah Terimaan	316.469	295.764	20.705	7.0
Perbelanjaan:				
Perbelanjaan Mengurus (Sebelum Pindahan ke Kumpulan Wang Pembangunan)	311.267	292.693	18.574	6.3
Perbelanjaan Pembangunan	96.089	71.574	24.515	34.3
Perbelanjaan Kumpulan Wang COVID-19	-	30.979	(30.979)	(100.0)
Jumlah Perbelanjaan	407.356	395.246	12.110	3.1
Defisit	(90.887)	(99.482)	8.595	8.6
Nisbah Defisit kepada KDNK	5.0%	5.5%		
Hutang Persekutuan	1,172.509	1,079.591	92.918	8.6
Nisbah Hutang Persekutuan kepada KDNK	64.3%	60.2%		
Liabiliti Kewangan	319.262	320.142	(0.880)	(0.3)
Jumlah Liabiliti Persekutuan	1,491.771	1,399.733	92.038	6.6

BUTIRAN	TAHUN		PERUBAHAN	
	2023 (RM BILION)	2022 (RM BILION)	RM BILION	%
Nisbah Liabiliti Persekutuan kepada KDNK	81.8%	78.0%		

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2023, Laporan Ketua Audit Negara 2022 Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan

Nota: KDNK 2023: RM1,822.904 bilion; KDNK 2022: RM1,793.903 bilion (Berdasarkan Statistik Akaun Negara terbitan Jabatan Perangkaan Malaysia yang dikeluarkan pada 17 Mei 2024)

3.2. Kerajaan Persekutuan terus berada dalam **kedudukan defisit**, iaitu **perbelanjaan melebihi terimaan sejumlah RM90.887 bilion atau 5.0% berbanding Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK)**. Defisit tersebut ditampung dengan pinjaman bersih daripada sumber dalam negeri sejumlah RM101.333 bilion.

3.3. Kedudukan defisit Kerajaan Persekutuan mengakibatkan **peningkatan Hutang Persekutuan sejumlah RM92.918 bilion atau 8.6% kepada RM1.173 trillion**. Kedudukan nisbah Hutang Persekutuan berbanding KDNK adalah sebanyak 64.3%, meningkat berbanding 60.2% pada tahun 2022.

3.4. **Nisbah Statutori Hutang Persekutuan berbanding KDNK adalah sebanyak 62.1%**. Had Statutori Hutang Persekutuan melibatkan Bil Perbendaharaan Islamik, Terbitan Pelaburan Kerajaan dan Sekuriti Kerajaan Malaysia yang berjumlah RM1.132 trillion. Nisbah ini tidak melebihi nisbah had statutori hutang yang dibenarkan, 65% kepada KDNK.

4. WANG AWAM

Pada akhir tahun 2023, Wang Awam yang terdiri daripada wang tunai dan pelaburan berjumlah RM69.766 bilion, menurun sejumlah RM13.890 bilion (16.6%) berbanding tahun 2022 yang berjumlah RM83.656 bilion. Butiran adalah seperti dalam **Jadual 2**.

JADUAL 2
KEDUDUKAN WANG AWAM PADA AKHIR TAHUN 2023 BERBANDING 2022

BIL.	BUTIRAN	TAHUN		PERUBAHAN	
		2023 (RM BILION)	2022 (RM BILION)	RM BILION	%
1.	Wang Tunai	27.607	48.503	(20.896)	(43.1)
2.	Pelaburan	42.159	35.153	7.006	19.9
JUMLAH		69.766	83.656	(13.890)	(16.6)

Sumber: Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2023

4.1. Wang Tunai

4.1.1. Wang Tunai terdiri daripada Wang Tunai Dalam Bank, Wang Tunai Dalam Perjalanan dan Wang Tunai Dalam Tangan. Pada 31 Disember 2023, kedudukan Wang Tunai adalah berjumlah RM27.607 bilion, menurun sejumrah RM20.896 bilion (43.1%) berbanding tahun 2022. Penurunan ini disebabkan oleh Simpanan Tetap Dalam Negara (kurang 3 bulan) menurun sejumrah RM18.314 bilion. Butiran adalah seperti dalam **Jadual 3**.

JADUAL 3
KEDUDUKAN WANG TUNAI PADA AKHIR TAHUN 2023 BERBANDING 2022

BIL.	BUTIRAN	TAHUN		PERUBAHAN	
		2023 (RM BILION)	2022 (RM BILION)	RM BILION	%
1.	Wang Tunai Dalam Bank	26.685	46.815	(20.130)	(43.0)
2.	Wang Tunai Dalam Perjalanan	0.919	1.685	(0.766)	(45.5)
3.	Wang Tunai Dalam Tangan	0.003	0.003	(0.00)*	(0.8)
JUMLAH		27.607	48.503	(20.896)	(43.1)

Sumber: Nota 3, Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2023

Nota: *RM0.02 juta

4.1.2. Trend kedudukan wang tunai bagi tempoh 2019 hingga 2023 (lima tahun) adalah seperti dalam **Carta 1**.

CARTA 1
TREND KEDUDUKAN WANG TUNAI BAGI TEMPOH 2019 HINGGA 2023



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2019 hingga 2023

4.2. Pelaburan

4.2.1. Pelaburan Kerajaan Persekutuan terdiri daripada Pelaburan Kumpulan Wang Amanah dan Pelaburan Am. Pelaburan Kumpulan Wang Amanah menggunakan dana Kumpulan Wang Amanah yang ditubuhkan di bawah Seksyen 9 dan 10, Akta Tatacara Kewangan 1957 [*Akta 61*]. Pelaburan ini termasuk Kumpulan Wang Amanah Negara (KWAN) yang ditadbir urus mengikut Akta Kumpulan Wang Amanah Negara 1988 [*Akta 339*]. Pelaburan Am pula ialah pelaburan yang dibuat daripada lebihan Kumpulan Wang Disatukan selain daripada pelaburan Kumpulan Wang Amanah.


4.2.2. Pada 31 Disember 2023, kedudukan pelaburan Kerajaan Persekutuan adalah berjumlah RM42.159 bilion, meningkat sejumlah RM7.006 bilion (19.9%) berbanding tahun 2022 yang berjumlah RM35.153 bilion. Sebanyak 77.7% daripada pelaburan Kerajaan Persekutuan menggunakan dana KWAN dan Kumpulan Wang Amanah Lain dengan jumlah keseluruhan RM32.759 bilion. Sejumlah RM9.400 bilion (22.3%) pula merupakan pelaburan daripada lebihan Kumpulan Wang Disatukan. Kedudukan pelaburan Kerajaan Persekutuan berdasarkan sumber dana pada tahun 2023 berbanding 2022 adalah seperti dalam **Jadual 4** dan trend pelaburan bagi tempoh 2019 hingga 2023 adalah seperti dalam **Carta 2**.

JADUAL 4
KEDUDUKAN PELABURAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
BERDASARKAN SUMBER DANA PADA TAHUN 2023 BERBANDING 2022

BIL.	SUMBER DANA PELABURAN	TAHUN				PERUBAHAN	
		2023		2022			
		RM BILION	%	RM BILION	%	RM BILION	%
1.	Kumpulan Wang Amanah Negara	17.455	41.4	14.474	41.2	2.981	20.6
2.	Kumpulan Wang Amanah Lain	15.304	36.3	9.675	27.5	5.629	58.2
3.	Lebihan Kumpulan Wang Disatukan	9.400	22.3	11.004	31.3	(1.604)	(14.6)
JUMLAH		42.159	100.0	35.153	100.0	7.006	19.9

Sumber: Nota 4, Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2023

CARTA 2
TREND PELABURAN BAGI TEMPOH 2019 HINGGA 2023



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2019 hingga 2023

5. AKAUN HASIL DISATUKAN

5.1. Akaun Hasil Disatukan mengakaunkan semua terimaan wang dan perbelanjaan mengurus Kerajaan Persekutuan. Akaun ini ditubuhkan selaras dengan Perkara 97, Perlembagaan Persekutuan dan Subseksyen 7(a), Akta Tatacara Kewangan 1957 [*Akta 61*].

5.2. Pada tahun 2023, hasil Kerajaan Persekutuan berjumlah RM314.959 bilion, manakala perbelanjaan mengurus berjumlah RM311.267 bilion (sebelum pindahan ke Kumpulan Wang Pembangunan). Akaun Hasil Disatukan mencatatkan lebihan hasil berjumlah RM3.692 bilion, meningkat sejumrah RM2.028 bilion (121.9%) berbanding tahun 2022. Keseluruhan amaun lebihan ini telah dipindahkan ke Kumpulan Wang Pembangunan dan baki Akaun Hasil Disatukan kekal berjumlah RM11.863 bilion. Butiran adalah seperti dalam **Jadual 5**.

JADUAL 5
KEDUDUKAN AKAUN HASIL DISATUKAN
PADA AKHIR TAHUN 2023 BERBANDING 2022

BUTIRAN	TAHUN		PERUBAHAN	
	2023 (RM BILION)	2022 (RM BILION)	RM BILION	%
Baki Pada 1 Januari	11.863	11.863	-	-
Hasil	314.959	294.357	20.602	7.0
Perbelanjaan Mengurus	(311.267)	(292.693)	18.574	6.3
Lebihan Hasil	3.692	1.664	2.028	121.9
Lebihan Hasil Dipindahkan ke Kumpulan Wang Pembangunan	(3.692)	(1.664)	2.028	121.9
Baki Pada 31 Disember	11.863	11.863	-	-

Sumber: Nota 5, Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2023

5.3. Hasil

5.3.1. Hasil Kerajaan Persekutuan terdiri daripada Hasil Cukai, Hasil Bukan Cukai, Terimaan Bukan Hasil dan Hasil Wilayah Persekutuan. Pada tahun 2023, kutipan hasil Kerajaan Persekutuan adalah berjumlah RM314.959 bilion, meningkat sejumrah RM20.602 bilion (7.0%) berbanding tahun 2022. Penyumbang utama kepada peningkatan hasil adalah hasil cukai sebanyak 72.8% daripada keseluruhan hasil tahun 2023. Butiran adalah seperti dalam **Jadual 6**.


JADUAL 6
PRESTASI TERIMAAN HASIL
KERAJAAN PERSEKUTUAN PADA TAHUN 2023 BERBANDING 2022

BIL.	BUTIRAN	TAHUN 2023		TAHUN 2022		PERUBAHAN	
		RM BILION	%	RM BILION	%	RM BILION	%
1.	Hasil Cukai	229.185	72.8	208.765	70.9	20.420	9.8
2.	Hasil Bukan Cukai	79.032	25.1	79.609	27.1	(0.577)	(0.7)
3.	Terimaan Bukan Hasil	6.025	1.9	5.296	1.8	0.729	13.8
4.	Hasil Wilayah Persekutuan	0.717	0.2	0.687	0.2	0.030	4.4
JUMLAH		314.959	100.0	294.357	100.0	20.602	7.0

Sumber: Nota 5, Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2023

5.3.2. Analisis Audit mendapati trend kutipan hasil meningkat pada sukuan keempat disebabkan pindahan premium bersih Terbitan Pelaburan Kerajaan dan Sekuriti Kerajaan Malaysia dibuat berjumlah RM7.500 bilion serta terimaan hasil dan faedah pelaburan berjumlah RM3.121 bilion diterima pada suku tersebut. Trend kutipan hasil mengikut sukuan tahun 2023 adalah seperti dalam **Carta 3** dan trend kutipan hasil bagi tempoh 2019 hingga 2023 adalah seperti dalam **Carta 4**.


CARTA 3
TREND KUTIPAN HASIL MENGIKUT SUKUAN TAHUN 2023



Sumber: Data iGFMAS

Nota: Suku 4 merujuk kepada kutipan hasil bulan Oktober 2023 sehingga tempoh Akaun Kena Bayar, iaitu Januari 2024

CARTA 4
TREND KUTIPAN HASIL BAGI TEMPOH 2019 HINGGA 2023



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2019 hingga 2023

5.3.3. Hasil Cukai

- a. Hasil Cukai terdiri daripada Cukai Langsung yang diuruskan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri serta Cukai Tidak Langsung yang diuruskan oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia dan Kementerian Kewangan Malaysia. Pada tahun 2023, kutipan Hasil Cukai adalah berjumlah RM229.185 bilion, meningkat sejumlah RM20.420 bilion (9.8%) berbanding tahun 2022. Butiran adalah seperti dalam **Jadual 7**.

JADUAL 7
PRESTASI KUTIPAN HASIL CUKAI PADA TAHUN 2023 BERBANDING 2022

BIL.	HASIL CUKAI	TAHUN 2023 (RM BILION)	TAHUN 2022 (RM BILION)	PERUBAHAN	
				RM BILION	%
1.	Langsung	171.336	153.476	17.860	11.6
2.	Tidak Langsung	57.849	55.289	2.560	4.6
	JUMLAH	229.185	208.765	20.420	9.8

Sumber: Nota 5(a), Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2023

- b. Cukai Langsung menyumbang sejumlah RM171.336 bilion, meningkat 11.6% berbanding tahun 2022 yang berjumlah RM153.476 bilion. Komponen utama Cukai Langsung adalah Cukai Pendapatan yang berjumlah RM159.745 bilion. Prestasi kutipan Cukai Pendapatan pada tahun 2023 adalah lebih baik dengan peningkatan sejumlah RM16.468 bilion (11.5%) berbanding tahun 2022 yang berjumlah RM143.277 bilion. Kutipan Cukai Pendapatan Syarikat adalah penyumbang utama kepada kutipan Cukai Pendapatan dan merekodkan peningkatan sejumlah RM9.609 bilion (11.7%) kepada RM91.742 bilion berbanding tahun 2022 yang berjumlah RM82.133 bilion. Butiran adalah seperti dalam **Jadual 8**.

JADUAL 8
PRESTASI KUTIPAN HASIL CUKAI LANGSUNG PADA TAHUN 2023 BERBANDING 2022

BIL.	BUTIRAN	TAHUN 2023	TAHUN 2022	PERUBAHAN	
				RM JUTA	RM JUTA
1.	Cukai Pendapatan - Syarikat	91,742.64	82,133.42	9,609.22	11.7
2.	Cukai Pendapatan - Individu	37,770.09	33,776.00	3,994.09	11.8
3.	Cukai Pendapatan - Petroleum	26,096.17	23,420.73	2,675.44	11.4
4.	Duti Setem	9,577.43	8,038.50	1,538.93	19.1
5.	Cukai Pendapatan - Cukai Pegangan	4,056.59	3,783.52	273.07	7.2
6.	Cukai Aktiviti Perniagaan Luar Pesisir Labuan	1,149.82	735.98	413.84	56.2
7.	Cukai Keuntungan Harta Tanah - Individu	171.12	-	171.12	100.0
8.	Cukai Keuntungan Harta Tanah - Korporat	692.87	-	692.87	100.0
9.	Cukai Pendapatan - Koperasi	46.69	115.79	(69.10)	(59.7)
10.	Cukai Pendapatan Lain - Cukai Seksyen 124	32.84	47.53	(14.69)	(30.9)

BIL.	BUTIRAN	TAHUN 2023	TAHUN 2022	PERUBAHAN	
		RM JUTA	RM JUTA	RM JUTA	%
11.	Cukai Langsung Lain	0.15	13.4	(13.25)	(98.9)
12.	Duti Harta Pusaka	0.01	0.12	(0.11)	(91.7)
13.	Cukai Keuntungan Harta Tanah*	-	1,410.67	(1,410.67)	(100.0)
	JUMLAH	171,336.42	153,475.66	17,860.76	11.6

Sumber: Data iGFMAS

Nota: *Pada tahun 2023, Cukai Keuntungan Harta Tanah dipecahkan kepada dua, iaitu Cukai Keuntungan Harta Tanah – Individu dan Cukai Keuntungan Harta Tanah - Korporat

- c. Prestasi kutipan Cukai Pendapatan Syarikat yang lebih baik dipengaruhi oleh pertumbuhan berterusan ekonomi negara dan kenaan Cukai Makmur secara *one-off* ke atas syarikat dengan pendapatan bercukai melebihi RM100 juta bagi Tahun Taksiran 2022. Amaun kutipan Cukai Makmur adalah berjumlah RM3.453 bilion meliputi kutipan bulan Januari 2023 berjumlah RM2.190 bilion untuk bayaran ansuran bulan ke-12 tahun taksiran 2022 dan bulan Ogos 2023 semasa pengemukaan Borang Cukai berjumlah RM1.263 bilion.
- d. Cukai Tidak Langsung menyumbang sejumlah RM57.849 bilion, meningkat 4.6% berbanding tahun 2022 yang berjumlah RM55.289 bilion. Komponen utama Cukai Tidak Langsung adalah Cukai Jualan yang berjumlah RM18.373 bilion. Prestasi kutipan Cukai Jualan pada tahun 2023 adalah lebih baik dengan peningkatan sejumlah RM2.117 bilion (13%) berbanding tahun 2022 yang berjumlah RM16.256 bilion. Cukai Jualan terdiri daripada cukai yang dikenakan kepada barang-barang perkilangan dalam negeri yang berjumlah RM7.693 bilion dan barang yang diimport yang berjumlah RM10.680 bilion. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 9**.

JADUAL 9
PRESTASI KUTIPAN HASIL
CUKAI TIDAK LANGSUNG PADA TAHUN 2023 BERBANDING 2022

BIL.	BUTIRAN	TAHUN 2023	TAHUN 2022	PERUBAHAN	
		RM JUTA	RM JUTA	RM JUTA	%
1.	Cukai Jualan	18,373.07	16,256.42	2,116.65	13.0
2.	Cukai Perkhidmatan	17,089.62	15,111.72	1,977.90	13.1
3.	Duti Eksais	13,143.99	12,555.72	588.27	4.7
4.	Duti Kastam	5,075.48	5,813.76	(738.28)	(12.7)
5.	Pelbagai Cukai Tidak Langsung	2,676.02	2,331.49	344.53	14.8
6.	Levi	1,304.30	3,218.85	(1,914.55)	(59.5)
7.	Cukai Pelancongan	186.09	1.03	185.06	17,967.0
	JUMLAH	57,848.57	55,288.99	2,559.58	4.6

Sumber: Data iGFMAS

5.4. Perbelanjaan Mengurus

5.4.1. Perbelanjaan mengurus terdiri daripada perbelanjaan tanggungan (Vot T) dan bekalan (Vot B). Pada tahun 2023, perbelanjaan mengurus meningkat sejumlah RM20.602 bilion (7.0%) berbanding tahun 2022 yang berjumlah RM294.357 bilion. Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 10**.


JADUAL 10
PRESTASI PERBELANJAAN MENGURUS PADA TAHUN 2023 BERBANDING 2022

BIL.	BUTIRAN	TAHUN 2023		TAHUN 2022		PERUBAHAN	
		RM BILION	%	RM BILION	%	RM BILION	%
1.	Perbelanjaan Bekalan	228.815	72.6	215.932	73.4	12.883	6.0
2.	Perbelanjaan Tanggungan	86.144	27.4	78.425	26.6	7.719	9.8
JUMLAH		314.959	100.0	294.357	100.0	20.602	7.0

Sumber: Nota 5(b), Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2023


5.4.2. Analisis Audit mendapati trend perbelanjaan mengurus meningkat pada suku keempat tahun 2023 disebabkan Kementerian/Jabatan perlu menyelesaikan proses pembayaran tahun semasa sebelum penutupan akaun akhir tahun dan terdapat pembayaran yang dilakukan dalam tempoh Akaun Kena Bayar (penutupan akaun). Butiran adalah seperti dalam **Carta 5** dan trend perbelanjaan mengurus bagi tempoh 2019 hingga 2023 adalah seperti dalam **Carta 6**.

CARTA 5
TREND PERBELANJAAN MENGURUS MENGIKUT SUKUAN TAHUN 2023



Sumber: Data iGFMAS
Nota: *Suku 4 merujuk kepada perbelanjaan yang dikenakan bermula bulan Oktober 2023 sehingga tempoh Akaun Kena Bayar, iaitu bulan Januari 2024

CARTA 6
TREND PERBELANJAAN MENGURUS BAGI TEMPOH 2019 HINGGA 2023



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2019 hingga 2023

5.4.3. Prestasi Perbelanjaan Mengurus

- Pada tahun 2023, Perbadanan Malaysia telah mengeluarkan Waran Am Bilangan 1 dan Waran Am Bilangan 2 Tahun 2023 bagi tujuan perbelanjaan mengurus berjumlah RM289.140 bilion. Dalam tempoh yang sama, sejumlah RM3.831 bilion waran peruntukan tambahan telah dikeluarkan dan sejumlah RM0.160 bilion waran sekatan peruntukan dikenakan. Dengan ini, peruntukan muktamad bagi tahun 2023 adalah berjumlah RM292.811 bilion. Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 11**.


JADUAL 11
KEDUDUKAN PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN SEBENAR
BAGI PERBELANJAAN MENGURUS TAHUN 2023 BERBANDING 2022

PERKARA	TAHUN		PERUBAHAN	
	2023 RM BILION	2022 RM BILION	RM BILION	%
			2023 RM BILION	2022 RM BILION
Peruntukan:				
Anggaran Asal	289.140	233.491	55.649	23.8
(+) Tambahan	3.831	3.882	(0.051)	(1.3)
(-) Waran Penyekatan Peruntukan	0.160	0.407	(0.247)	(60.7)
PERUNTUKAN MUKTAMAD	292.811	236.966	55.845	23.6
Perbelanjaan Mengurus	311.267	292.693	18.574	6.3
(+) Pindahan Lebihan Hasil ke Kumpulan Wang Pembangunan	3.692	1.664	2.028	121.9
Perbelanjaan Sebenar	314.959	294.357	20.602	7.0
Peratus Perbelanjaan (%)	107.6	124.2		

Sumber: Lampiran 1, Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2023 dan 2022

- b. Prestasi perbelanjaan sebenar bagi tahun 2023 (termasuk pindahan lebihan hasil ke Kumpulan Wang Pembangunan) adalah berjumlah RM314.959 bilion, **melebihi peruntukan sejumlah RM22.148 bilion (7.6%)**. Lebihan perbelanjaan ini telah dibentangkan kepada Parlimen dalam Rang Perbekalan Tambahan dan diluluskan oleh Dewan Rakyat pada 20 Mac 2024 serta mendapat kelulusan Dewan Negara pada 1 April 2024. Prestasi perbelanjaan mengurus bagi 10 Kementerian tertinggi pada tahun 2023 berbanding 2022 adalah seperti dalam **Carta 7**.

CARTA 7
PRESTASI PERBELANJAAN MENGURUS
BAGI 10 KEMENTERIAN TERTINGGI TAHUN 2023 BERBANDING 2022



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2023 dan 2022

- c. Kementerian Kewangan mencatatkan perbelanjaan tertinggi berjumlah RM129.637 bilion (41.2%) daripada keseluruhan perbelanjaan mengurus Kerajaan Persekutuan yang berjumlah RM314.959 bilion. Amaun perbelanjaan ini meningkat sejumlah RM9.463 bilion (7.9%) berbanding tahun 2022 yang berjumlah RM120.174 bilion. Peningkatan utama perbelanjaan Kementerian Kewangan melibatkan Vot B11 (Perkhidmatan Am Perpendaharaan) bagi program subsidi dan bantuan tunai yang berjumlah RM54.631 bilion, meningkat sejumlah RM8.123 bilion (17.5%) berbanding tahun 2022 yang berjumlah RM46.508 bilion.

- d. Perbelanjaan di Kementerian Kewangan juga adalah termasuk amaun pelarasian lebihan perbelanjaan di pelbagai Kementerian merangkumi perbelanjaan emolumen, perkhidmatan dan pemberian dalam negeri berjumlah RM1.545 bilion (2022: RM3.992 bilion).
- e. Kementerian Pendidikan Malaysia mencatatkan perbelanjaan kedua tertinggi berjumlah RM51.474 bilion, meningkat sejumlah RM3.079 bilion (6.4%) berbanding tahun 2022 yang berjumlah RM48.395 bilion. Peningkatan ini antaranya disebabkan oleh pemberian Bantuan Awal Persekolahan (BAP) sejumlah RM150 seorang murid tanpa mengambil kira had pendapatan ibu bapa/ penjaga berbanding BAP tahun 2022 yang tertakluk kepada pendapatan ibu bapa/ penjaga sejumlah RM3,000 dan ke bawah sahaja. Selain itu, bagi program Rancangan Makanan Tambahan (RMT), perbelanjaan meningkat disebabkan oleh penggunaan kadar baharu RMT bagi Semenanjung dari RM2.50 kepada RM3.50 dan Sabah/Sarawak/Labuan dari RM3.00 kepada RM4.00 sehari bagi seorang murid.
- f. Kementerian Kesihatan Malaysia merekodkan peningkatan perbelanjaan sejumlah RM3.482 bilion (12.1%) kepada RM32.188 bilion berbanding tahun 2022 yang berjumlah RM28.706 bilion. Antara program yang menyumbang kepada peningkatan perbelanjaan tertinggi adalah program Pembangunan Kesihatan Keluarga dan program Bekalan Perubatan Fasiliti Kesihatan melibatkan pembayaran emolumen kepada perjawatan baharu bagi fasiliti kesihatan yang mula beroperasi pada tahun 2023, penyerapan doktor lantikan kontrak ke taraf jawatan tetap dan peningkatan bayaran kontrak kawalan keselamatan.
- g. Perbelanjaan program Bekalan Perubatan Fasiliti Kesihatan meningkat sejumlah RM0.492 bilion disebabkan kenaikan harga ubat dan vaksin di pasaran global dan pertambahan pesakit sehingga 12% yang dirujuk ke hospital dan klinik kesihatan.

5.4.4 Perbelanjaan Subsidi

- a. Perbelanjaan subsidi yang dikenakan kepada vot mengurus pada tahun 2023 adalah berjumlah RM49.190 bilion, menurun sejumlah RM6.253 bilion (11.3%) berbanding tahun 2022 yang berjumlah RM55.443 bilion.

- b. Perbelanjaan subsidi yang tertinggi ialah subsidi barang produk petroleum yang berjumlah RM34.546 bilion (70.2%) daripada keseluruhan perbelanjaan subsidi. Perbelanjaan subsidi produk petroleum ini melibatkan produk petrol, diesel dan gas petroleum cecair (LPG) yang dibekalkan oleh 16 syarikat pengeluar bagi tuntutan bulan Januari hingga November 2023. Perbelanjaan tersebut menurun sejumlah RM10.638 bilion (23.5%) berbanding tahun 2022 yang berjumlah RM45.184 bilion. Penurunan ini disebabkan harga purata produk petroleum seteng di pasaran dunia adalah berjumlah USD82.60 berbanding USD99.80 pada tahun 2022. Perincian adalah seperti dalam **Jadual 12**.


JADUAL 12
PERBELANJAAN SUBSIDI
PRODUK PETROLEUM PADA TAHUN 2023 BERBANDING 2022

BIL.	JENIS PRODUK PETROLEUM	TAHUN		PERUBAHAN	
		2023 (RM BILION)	2022 (RM BILION)	RM BILION	%
1.	Petrol	18.317	23.075	(4.758)	(20.6)
2.	Diesel	13.512	18.668	(5.156)	(27.6)
3.	LPG	2.717	3.441	(0.724)	(21.0)
JUMLAH		34.546	45.184	(10.638)	(23.5)

Sumber: Data iGFMAS

- c. Trend perbelanjaan subsidi yang dikenakan kepada vot perbelanjaan mengurus bagi tempoh 2019 hingga 2023 adalah seperti dalam **Carta 8**.

CARTA 8
TREND PERBELANJAAN SUBSIDI YANG DIKENAKAN KEPADA VOT
PERBELANJAAN MENGURUS BAGI TEMPOH 2019 HINGGA 2023



Sumber: Data iGFMAS

6. AKAUN PINJAMAN DISATUKAN

6.1. Akaun Pinjaman Disatukan (APDS) mengakaunkan urus niaga terimaan dan penebusan pinjaman dalam dan luar negeri. APDS terdiri daripada akaun Bil Perbendaharaan, Terbitan Pelaburan Kerajaan (TPK), Sekuriti Kerajaan Malaysia (SKM), Sukuk Perumahan, Pinjaman Luar Negeri (Pinjaman Pasaran), Sukuk Luar Negeri dan Bantuan Luar Negeri yang terdiri daripada Pinjaman Multilateral dan Pinjaman Bilateral.

6.2. APDS pada tahun 2023 berbaki sejumlah RM0.149 bilion berbanding baki sifar pada tahun 2022. Ini merupakan baki selepas pindahan pinjaman melalui Usul Pindahan Baki Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia ke Kumpulan Wang Pembangunan (KWP) yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat pada 30 November 2023. Baki RM0.149 bilion ini seterusnya telah dipindahkan ke KWP pada 18 April 2024 selepas mendapat kelulusan Dewan Rakyat pada 27 Mac 2024 menjadikan APDS berbaki sifar. Perincian adalah seperti dalam **Jadual 13**.

JADUAL 13
KEDUDUKAN AKAUN PINJAMAN DISATUKAN PADA TAHUN 2023 BERBANDING 2022

BUTIRAN	TAHUN		PERUBAHAN	
	2023	2022	RM BILION	%
	RM BILION	RM BILION		
Baki Pada 1 Januari	-	-	-	-
Terimaan:				
Dalam Negeri	241.509	231.365	10.144	4.4
Luar Negeri	-	-	-	-
Jumlah Terimaan	241.509	231.365	10.144	4.4
Bayaran:				
Dalam Negeri	(139.928)	(131.262)	8.666	6.6
Luar Negeri	(0.248)	(0.266)	(0.018)	(6.8)
Jumlah Bayaran	(140.176)	(131.528)	8.648	6.6
Baki Terimaan	101.333	99.837	1.496	1.5
Pindahan ke Kumpulan Wang Pembangunan	(92.408)	(68.541)	23.867	34.8
Pindahan ke Kumpulan Wang COVID-19	-	(30.880)	(30.880)	(100.0)
Pelarasan Akaun Premium/Diskaun Sekuriti Kerajaan	(8.776)	(0.416)	8.360	2,009.6
BAKI PADA 31 DISEMBER	0.149	-	0.149	100.0

Sumber: Nota 6, Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2023

6.3. Pada tahun 2023, keseluruhan terimaan pinjaman diperolehi melalui terbitan instrumen Sekuriti Kerajaan Malaysia adalah sejumlah RM100.253 bilion, Terbitan Pelaburan Kerajaan sejumlah RM99.661 bilion dan Bil Perbendaharaan sejumlah RM41.595 bilion. Terimaan pinjaman kasar adalah berjumlah RM241.509 bilion meningkat sejumlah RM10.144 bilion (4.4%) berbanding tahun 2022 yang berjumlah

RM231.365 bilion. Terimaan Pinjaman bersih bagi tahun 2023 adalah berjumlah RM101.333 bilion meningkat sejumlah RM1.496 bilion (1.5%) berbanding RM99.837 bilion pada tahun 2022.

7. AKAUN AMANAH DISATUKAN

Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada Kumpulan Wang Amanah Kerajaan, Kumpulan Wang Amanah Awam dan Akaun Deposit. Akaun Amanah Disatukan berbaki sejumlah RM57.754 bilion menurun sejumlah RM14.039 bilion (19.6%) berbanding tahun 2022 yang berjumlah RM71.793 bilion. Perincian adalah seperti dalam **Jadual 14**.

JADUAL 14
KEDUDUKAN AKAUN AMANAH DISATUKAN PADA TAHUN 2023 BERBANDING 2022

BIL.	BUTIRAN	TAHUN		PERUBAHAN	
		2023 (RM BILION)	2022 (RM BILION)	RM BILION	%
1.	Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	35.427	50.828	(15.401)	(30.3)
2.	Kumpulan Wang Amanah Awam	9.061	8.850	0.211	2.4
3.	Akaun Deposit	13.266	12.115	1.151	9.5
JUMLAH		57.754	71.793	(14.039)	(19.6)

Sumber: Nota 7, Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2023

7.1. Kumpulan Wang Amanah Kerajaan

Kumpulan Wang Amanah Kerajaan ditubuhkan di bawah Seksyen 10, Akta Tatacara Kewangan 1957 [*Akta 67*]. Kumpulan Wang Amanah Kerajaan seperti yang dilaporkan dalam Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan 2023 di Nota 7(a) terdiri daripada Kumpulan Wang Pembangunan, Kumpulan Wang COVID-19 dan Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan. Pada 31 Disember 2023, baki Kumpulan Wang Amanah Kerajaan adalah berjumlah RM35.427 bilion menurun sejumlah RM15.401 bilion (30.3%) berbanding tahun 2022 yang berjumlah RM50.828 bilion. Butiran adalah seperti dalam **Jadual 15**.

JADUAL 15
KEDUDUKAN KUMPULAN WANG
AMANAH KERAJAAN PADA TAHUN 2023 BERBANDING 2022

BIL.	KATEGORI AKAUN	TAHUN		PERUBAHAN	
		2023 (RM BILION)	2022 (RM BILION)	RM BILION	%
1.	Kumpulan Wang Pembangunan	(10.217)	(11.951)	1.734	14.5
2.	Kumpulan Wang COVID-19	-	0.212	(0.212)	(100.0)
3.	Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	45.644	62.567	(16.923)	(27.0)
JUMLAH		35.427	50.828	(15.401)	(30.3)

Sumber: Nota 7(a), Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2023

7.1.1. Kumpulan Wang Pembangunan

Pada tahun 2023, Kumpulan Wang Pembangunan masih berbaki defisit berjumlah RM10.217 bilion dengan penurunan sejumlah RM1.734 bilion (14.5%) berbanding baki defisit RM11.951 bilion pada tahun 2022. Perbelanjaan terbesar adalah di bawah kod projek P1009000 - Pelbagai Suntikan Modal di bawah Kementerian Kewangan berjumlah RM27.213 bilion atau 28.3% daripada keseluruhan perbelanjaan pembangunan tahun 2023 yang berjumlah RM96.089 bilion. Butiran adalah seperti dalam **Jadual 16**.

JADUAL 16
KEDUDUKAN KUMPULAN WANG
PEMBANGUNAN PADA TAHUN 2023 BERBANDING 2022

BUTIRAN	TAHUN		PERUBAHAN	
	2023 (RM BILION)	2022 (RM BILION)	RM BILION	%
Baki Pada 1 Januari	(11.951)	(11.970)	0.019	0.2
Terimaan :				
Pindahan daripada Akaun Hasil Disatukan	3.692	1.664	2.028	121.9
Pindahan daripada Akaun Pinjaman Disatukan	92.408	68.541	23.867	34.8
Pindahan daripada Kumpulan Wang COVID-19	0.212	-	0.212	100.0
Lain-lain Terimaan	1.511	1.388	0.123	8.9
Jumlah Terimaan	97.823	71.593	26.230	36.6
Bayaran :				
(-)Perbelanjaan Pembangunan	96.089	71.574	24.515	34.3
LEBIHAN	1.734	0.019		
BAKI PADA 31 DISEMBER	(10.217)	(11.951)	1.734	14.5

Sumber: Nota 7(a)(i), Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2023

7.1.2. Kumpulan Wang COVID-19

Pada 31 Disember 2023, keseluruhan baki Kumpulan Wang COVID-19 (KWC) yang berjumlah RM0.212 bilion telah dipindahkan kepada Kumpulan Wang Pembangunan selaras dengan subseksyen 8(2) Akta 830 menjadikan Kumpulan Wang tersebut berbaki sifar. Dewan Rakyat telah meluluskan usul penutupan KWC di bawah Akta Langkah-Langkah Sementara bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19)) 2020 [Akta 830] pada 30 November 2023 mengikut peruntukan di bawah subseksyen 10(4)(a) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61].

7.1.3. Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan

- a. Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan terdiri daripada Akaun Penyelesaian, Akaun Perniagaan, Akaun Pinjaman, Kumpulan Wang Luar

Jangka dan Pelbagai Kumpulan Wang yang ditubuhkan di bawah Seksyen 10, Akta Tatacara Kewangan 1957 [*Akta 61*]. Pada tahun 2023, Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan adalah berjumlah RM45.644 bilion menurun sejumlah RM16.923 bilion (27.0%) berbanding tahun 2022 yang berjumlah RM62.567 bilion. Butiran adalah seperti dalam **Jadual 17**.

JADUAL 17
KEDUDUKAN PELBAGAI KUMPULAN WANG
AMANAH KERAJAAN PADA TAHUN 2023 BERBANDING 2022

BIL.	KATEGORI AKAUN	TAHUN		PERUBAHAN	
		2023 (RM BILION)	2022 (RM BILION)	RM BILION	%
1.	Akaun Penyelesaian	18.881	29.733	(10.852)	(36.5)
2.	Akaun Perniagaan	0.150	0.150	-	-
3.	Akaun Pinjaman	4.552	3.983	0.569	14.3
4.	Kumpulan Wang Luar Jangka	0.721	0.823	(0.102)	(12.4)
5.	Pelbagai Kumpulan Wang	21.340	27.878	(6.538)	(23.5)
JUMLAH		45.644	62.567	(16.923)	(27.0)

Sumber: Nota 7(a)(iii), Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2023

- b. Baki Akaun Penyelesaian menunjukkan penurunan ketara sejumlah RM10.852 bilion (36.5%) berbanding tahun 2022 yang berjumlah RM29.733 bilion. Penurunan ini disebabkan oleh perbelanjaan dalam tempoh Akaun Kena Bayar berjumlah RM6.223 bilion lebih rendah berbanding tahun 2022 yang berjumlah RM18.468 bilion.
- c. Baki Pelbagai Kumpulan Wang turut merekodkan penurunan sejumlah RM6.538 bilion (23.5%) kepada RM21.340 bilion berbanding tahun 2022 yang berjumlah RM27.878 bilion. Penurunan ketara ini melibatkan Kumpulan Tabung Bayaran Balik Cukai (TBBC) yang berbaki RM0.181 bilion menurun sejumlah RM10.005 bilion (98.2%) berbanding tahun 2022 yang berjumlah RM10.186 bilion. Penurunan ini disebabkan oleh bayaran balik cukai lebih tinggi pada tahun 2023 berjumlah RM21.942 bilion berbanding tahun 2022 berjumlah RM13.958 bilion.

7.2. Kumpulan Wang Amanah Awam

7.2.1. Kumpulan Wang Amanah Awam ditubuhkan di bawah Seksyen 9, Akta Tatacara Kewangan 1957 [*Akta 61*] untuk mengakaunkan sumbangan wang daripada badan dan orang perseorangan kepada Kerajaan Persekutuan bagi tujuan tertentu. Pengurusan akaun ini perlu dibuat mengikut Arahan Amanah yang berkenaan.

Kumpulan Wang Amanah Awam terdiri daripada Akaun Amanah Am dan Akaun Amanah Khas.

7.2.2. Pada 31 Disember 2023, baki Kumpulan Wang Amanah Awam yang terdiri daripada baki Kumpulan Wang Amanah Am berjumlah RM5.504 bilion dan baki Kumpulan Wang Amanah Khas berjumlah RM3.557 bilion menunjukkan peningkatan masing-masing berjumlah RM0.153 bilion (2.9%) dan RM0.058 bilion (1.7%) berbanding tahun 2022 berjumlah RM5.351 bilion dan RM3.499 bilion. Butiran adalah seperti dalam **Jadual 18**.

JADUAL 18
KEDUDUKAN KUMPULAN WANG
AMANAH AWAM PADA TAHUN 2023 BERBANDING 2022

BIL.	KATEGORI AKAUN	TAHUN		PERUBAHAN	
		2023 (RM BILION)	2022 (RM BILION)	RM BILION	%
1.	Amanah Am	5.504	5.351	0.153	2.9
2.	Amanah Khas	3.557	3.499	0.058	1.7
JUMLAH		9.061	8.850	0.211	2.4

Sumber: Nota 7(b), Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2023

7.2.3. Akaun Amanah Am meningkat sejumlah RM0.153 bilion (2.9%) berbanding RM5.351 bilion pada tahun 2022. Peningkatan ini disebabkan oleh terimaan sumbangan tunai daripada Petroliam Nasional Berhad sejumlah RM1.986 bilion dalam Akaun Amanah Dana Khas Kerajaan Persekutuan. Walau bagaimanapun, terdapat penurunan Akaun Amanah Mendapatkan Kembali Aset (AAMKA) sejumlah RM0.582 bilion (30.2%) berbanding tahun 2022 yang berjumlah RM1.927 bilion menjadikan baki AAMKA ini berjumlah RM1.345 bilion.

8. PENYATA AKAUN MEMORANDUM

8.1. Penyata Akaun Memorandum melaporkan aset kewangan dan liabiliti Kerajaan Persekutuan yang tidak dilaporkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Penyata ini terdiri daripada Penyata Akaun Memorandum Aset dan Liabiliti. Penyata Akaun Memorandum Aset melaporkan kedudukan Akaun Belum Terima dan Pelaburan, manakala Penyata Akaun Memorandum Liabiliti melaporkan kedudukan Liabiliti Persekutuan.

8.2. Kedudukan Aset Kewangan Persekutuan pada 31 Disember 2023 adalah berjumlah RM133.189 bilion manakala Liabiliti Persekutuan adalah lebih tinggi berjumlah RM1.492 trillion. Butiran adalah seperti dalam **Jadual 19**.

JADUAL 19
KEDUDUKAN ASET KEWANGAN PERSEKUTUAN
DAN LIABILITI PERSEKUTUAN PADA AKHIR TAHUN 2023 BERBANDING 2022

BIL.	BUTIRAN	TAHUN		PERUBAHAN	
		2023 (RM BILION)	2022 (RM BILION)	RM BILION	%
MEMORANDUM ASET					
1.	Akaun Belum Terima	98.367	105.824	(7.457)	(7.0)
2.	Pelaburan	34.822	34.030	0.792	2.3
JUMLAH ASET		133.189	139.854	(6.665)	(4.8)
MEMORANDUM LIABILITI					
3.	Hutang Persekutuan	1,172.509	1,079.591	92.918	8.6
4.	Liabiliti PFI	33.471	34.492	(1.021)	(3.0)
5.	Komitmen Kewangan	285.634	285.495	0.139	0.05
6.	Pelbagai Liabiliti	0.157	0.155	0.002	1.3
JUMLAH LIABILITI		1,491.771	1,399.733	92.038	6.6

Sumber: Nota 9 dan 10, Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2023

8.3. Memorandum Aset

Aset Kewangan Persekutuan yang terdiri daripada Akaun Belum Terima dan Pelaburan berjumlah RM133.189 bilion menurun sejumlah RM6.665 bilion (4.8%) berbanding tahun 2022 yang berjumlah RM139.854 bilion.

8.3.1. Akaun Belum Terima

- a. Akaun Belum Terima (ABT) adalah sejumlah amaun sepatutnya diterima oleh Kerajaan pada sesuatu masa tetapi masih belum diterima, berasaskan bil atau melalui dasar, perjanjian atau keputusan Kerajaan yang berkuat kuasa. ABT terdiri dari Pinjaman dan Pendahuluan Boleh Dituntut serta Pelbagai ABT. Secara keseluruhannya, kedudukan ABT pada tahun 2023 adalah berjumlah RM98.367 bilion, iaitu menurun sejumlah RM7.457 bilion (7.0%) berbanding tahun 2022 yang berjumlah RM105.824 bilion. Penurunan ini antaranya disebabkan oleh hapus kira dan penukaran pinjaman kepada ekuiti. Butiran adalah seperti dalam **Jadual 20**.

JADUAL 20
KEDUDUKAN ABT PADA TAHUN 2023 BERBANDING 2022

BIL.	BUTIRAN	TAHUN		PERUBAHAN	
		2023 (RM BILION)	2022 (RM BILION)	RM BILION	%
1.	Pinjaman dan Pendahuluan Boleh Dituntut	52.530	54.217	(1.687)	(3.1)
2.	Pelbagai ABT	45.837	51.607	(5.770)	(11.2)
JUMLAH		98.367	105.824	(7.457)	(7.0)

Sumber: Nota 9, Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2023

b. Tunggakan Pinjaman dan Pendahuluan Boleh Dituntut Serta Pengusiaan Pelbagai ABT

- i. Merujuk Pekeliling Perbendaharaan - WP10.6, tunggakan adalah amaun ABT yang melampaui tempoh matang yang telah ditetapkan. Pada 31 Disember 2023, sebanyak 262 (31.1%) daripada 842 pinjaman mempunyai **tunggakan bayaran balik berjumlah RM9.612 bilion**. Amaun tunggakan tersebut terdiri daripada prinsipal pinjaman sejumlah RM6.970 bilion serta kenaan faedah pinjaman dan faedah lewat sejumlah RM2.642 bilion. Tempoh tunggakan pinjaman yang dikenal pasti adalah antara satu hingga 43 tahun.
- ii. Daripada keseluruhan tunggakan pinjaman berjumlah RM9.612 bilion, tunggakan pinjaman melebihi enam tahun yang berjumlah RM5.198 bilion (54.1%) merupakan tunggakan yang tertinggi. Manakala tunggakan yang berusia tiga hingga enam tahun adalah berjumlah RM2.150 bilion (22.4%).
- iii. Bagi pelbagai ABT pula, pengusiaan yang melebihi enam tahun berjumlah RM23.214 bilion (50.6%) adalah yang tertinggi diikuti oleh pengusiaan tiga hingga enam tahun berjumlah RM11.049 bilion (24.1%). Butiran adalah seperti dalam **Jadual 21**.

JADUAL 21
KEDUDUKAN PENGUSIAAN PELBAGAI ABT
DAN TUNGGAKAN PINJAMAN PADA TAHUN 2023

BIL.	KATEGORI PEMINJAM	PENGUSIAAN				JUMLAH (RM JUTA)
		1 TAHUN (RM JUTA)	1 – 3 TAHUN (RM JUTA)	3 – 6 TAHUN (RM JUTA)	MELEBIHI 6 TAHUN (RM JUTA)	
1.	Pelbagai ABT	6,708.40	4,865.62	11,048.98	23,214.14	45,837.14
2.	Tunggakan Pinjaman dan Pendahuluan Boleh Dituntut	768.13	1,496.57	2,149.92	5,197.80	9,612.42
JUMLAH		7,476.53	6,362.19	13,198.90	28,411.94	55,449.56

Sumber: Lejar Subsidiari Pinjaman, Buku Daftar Pinjaman dan Penyata Laporan Akaun Belum Terima Tahun 2023,
 Jabatan Akauntan Negara Malaysia

- iv. Analisis lanjut mendapati termasuk dalam 262 pinjaman tertunggak adalah **75 pinjaman berjumlah RM4.791 bilion yang tidak pernah dibuat bayaran balik** sejak Jadual Bayaran Balik berkuat kuasa antara tahun 1981 hingga 2023.

c. Hapus Kira Akaun Belum Terima

- i. Pada tahun 2023, **hapus kira ABT yang telah diluluskan adalah berjumlah RM2.769 bilion** antaranya melibatkan Pinjaman dan Pendahuluan Boleh Dituntut melebihi enam tahun berjumlah RM0.513 bilion, pelbagai ABT melebihi enam tahun berjumlah RM0.841 bilion dan penukaran kepada ekuiti berjumlah RM1.135 bilion. Butiran adalah seperti dalam **Jadual 22**.

JADUAL 22
KEDUDUKAN HAPUS KIRA ABT PADA TAHUN 2023

BIL.	JENIS ABT	PENGUSIAAN HAPUS KIRA ABT 2023				JUMLAH HAPUS KIRA ABT (RM JUTA)
		1 TAHUN (RM JUTA)	1 – 3 TAHUN (RM JUTA)	3 – 6 TAHUN (RM JUTA)	MELEBIHI 6 TAHUN (RM JUTA)	
1.	Penukaran Kepada Ekuiti			96.40	1,038.15	1,134.55
2.	Pelbagai ABT	20.11	85.03	175.02	841.39	1,121.55
3.	Pinjaman dan Pendahuluan Boleh Dituntut	-	-	-	513.17	513.17
JUMLAH		20.11	85.03	271.42	2,392.71	2,769.27

Sumber: Penyata Laporan ABT Tahun 2023, Surat Kelulusan Hapus Kira, Lejar Subsidiari Pinjaman dan dokumen berkaitan, Jabatan Akauntan Negara Malaysia

Nota: Hapus kira Pelbagai ABT serta Pinjaman dan Pendahuluan Boleh Dituntut berjumlah RM1.635 bilion

- ii. Kementerian Kewangan telah memberi kelulusan hapus kira secara penukaran kepada ekuiti kepada dua peminjam berjumlah RM1.135 bilion melibatkan 28 pinjaman. Kelulusan ini melibatkan satu pinjaman oleh UDA Holdings Berhad bernilai RM165.28 juta dan 27 pinjaman oleh FELCRA Berhad berjumlah RM969.27 juta. Penukaran kepada ekuiti telah diluluskan oleh Dewan Rakyat masing-masing pada 4 April 2023 (UDA Holdings) dan 4 Ogos 2022 (FELCRA Berhad).
- iii. Pelarasan hapis kira juga telah diluluskan bagi pinjaman oleh SRC International Sdn. Bhd. berjumlah RM639.81 juta yang terdiri daripada bayaran prinsipal berjumlah RM509.80 juta serta faedah berjumlah RM130.01 juta.

d. Penstrukturran dan Penjadualan Semula Pinjaman dan Pendahuluan Boleh Dituntut

- i. Sepanjang tahun 2023, Kementerian Kewangan telah meluluskan penstrukturran dan penjadualan semula kepada sembilan peminjam dengan nilai keseluruhan berjumlah RM3.413 bilion melibatkan 46 pinjaman. Butiran adalah seperti dalam **Jadual 23**.

JADUAL 23
PENSTRUKTURAN DAN PENJADUALAN SEMULA
PINJAMAN KERAJAAN PERSEKUTUAN TAHUN 2023

BIL.	BUTIRAN	PRINSIPAL (RM JUTA)	FAEDAH (RM JUTA)	JUMLAH (RM JUTA)
1.	Penstrukturran Pinjaman	2,548.78	-	2,548.78
2.	Penjadualan Semula Pinjaman	863.05	1.21	864.26
	JUMLAH	3,411.83	1.21	3,413.04


Sumber: Surat Kelulusan Penstrukturran dan Penjadualan Semula, Lejar Subsidiari Pinjaman dan dokumen berkaitan, Jabatan Akauntan Negara Malaysia

- ii. Penstrukturran semula pinjaman berjumlah RM2.549 bilion melibatkan 36 pinjaman. Antaranya penggabungan 27 pinjaman FELCRA Berhad yang berjumlah RM1.532 bilion dengan pelanjutan tempoh pinjaman sehingga tahun 2055. Selain itu, penggabungan dua pinjaman Malaysia Venture Capital Management Berhad berjumlah RM0.445 bilion dengan pelanjutan tempoh pinjaman sehingga tahun 2029.
- iii. Penjadualan semula pinjaman terdiri daripada amaun prinsipal berjumlah RM863.05 juta serta kenaan faedah berjumlah RM1.21 juta melibatkan 10 pinjaman. Antaranya penjadualan semula enam pinjaman FELCRA Berhad dengan nilai keseluruhan berjumlah RM339.77 juta melibatkan pelanjutan tempoh sehingga tahun 2055. Selain itu, pelanjutan tempoh pinjaman bagi Iskandar Investment Berhad sehingga tahun 2033 dengan nilai berjumlah RM438.31 juta.

8.3.2. Pelaburan

- a. Selain daripada membuat pelaburan daripada Kumpulan Wang Amanah, Kerajaan Persekutuan juga membuat pelaburan dalam Syarikat, Badan Berkanun dan Agensi Antarabangsa daripada peruntukan mengurus dan pembangunan. Pelaburan ini dibuat melalui Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD) dan ditunjukkan di bawah Akaun Memorandum Pelaburan. Pada akhir tahun 2023, MKD memegang saham dengan nilai buku berjumlah RM34.822 bilion meningkat sejumlah RM0.792 bilion (2.3%) berbanding tahun kewangan 2022 yang berjumlah RM34.030 bilion. Trend nilai buku pelaburan Kerajaan Persekutuan tahun 2019 hingga 2023 adalah seperti dalam **Carta 9** dan perincian pegangan kepentingan Kerajaan Persekutuan adalah seperti dalam **Jadual 24**.

CARTA 9
NILAI BUKU PELABURAN
KERAJAAN PERSEKUTUAN TAHUN 2019 HINGGA 2023



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2019 hingga 2023

JADUAL 24
PEGANGAN KEPENTINGAN
KERAJAAN PERSEKUTUAN TAHUN 2023 BERBANDING 2022

BIL.	KATEGORI	BIL. PEGANGAN		TAHUN		PERUBAHAN	
		2023	2022	2023 (RM BILION)	2022 (RM BILION)	RM BILION	%
1.	Syarikat	111	112	33.805	33.013	0.792	2.4
2.	Badan Berkanun	5	5	0.978	0.978	-	-
3.	Agensi Antarabangsa	1	1	0.039	0.039	-	-
JUMLAH		117	118	34.822	34.030	0.792	2.3

Sumber: Nota 9(b), Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2023

- b. Peningkatan pelaburan ini disebabkan oleh pertukaran dua pinjaman Kerajaan Persekutuan kepada ekuiti berjumlah RM1.135 bilion. Pada tahun 2023, pinjaman dalam syarikat FELCRA Berhad dan UDA Holdings Berhad telah ditukar kepada ekuiti menyebabkan pegangan kepentingan Kerajaan Persekutuan masing-masing meningkat kepada 1,469,268,002 unit saham biasa bernilai RM1 seunit dan 500,000,000 unit saham biasa bernilai RM1 seunit. Pada masa yang sama, pegangan kepentingan Kerajaan Persekutuan sebanyak 131,000,000 unit Saham Keutamaan Kumulatif Boleh Tebus dalam syarikat Bekalan Air Selangor Sdn. Bhd. telah dibuat penebusan berjumlah RM0.189 bilion.

- c. Kerajaan Persekutuan telah mengalami **kerugian** berjumlah RM112,529,000 bagi pelupusan saham Astronautic Technology (M) Sdn. Bhd. di mana nilai nominal saham berjumlah RM112,579,000 telah dijual pada harga RM50,000. Pelupusan saham berkenaan telah dipersetujui dalam Mesyuarat Jemaah Menteri pada 14 Ogos 2019 kerana tiada keperluan strategik untuk Kerajaan Persekutuan terus memiliki syarikat Astronautic Technology (M) Sdn. Bhd. dalam agenda memperkasa industri angkasa negara melalui pembangunan satelit penderiaan jauh.
- d. Kementerian Kewangan telah membuat pengurangan modal berbayar (capital reduction) Pengurusan Danaharta Nasional Berhad daripada RM1.0 bilion kepada RM900 juta dan transaksi selesai pada tahun 2023.

Maklum balas Kementerian Kewangan diterima pada 6 September 2024

Pelupusan saham Astronautic Technology (M) Sdn. Bhd. pada nilai nominal RM50,000 adalah berdasarkan nilai *net present value* di mana segala aset dan liabiliti syarikat telah di *zeroised*. Sehubungan itu, pelupusan tersebut adalah berdasarkan *goodwill* sahaja.

e. Dividen Pelaburan

- i. Pada tahun 2023, dividen pelaburan yang diterima daripada 16 syarikat dan dua badan berkanun adalah berjumlah RM46.059 bilion. Amaun terimaan dividen ini **menurun** sejumlah RM9.756 bilion (17.5%) berbanding tahun 2022 yang berjumlah RM55.815 bilion. Butiran adalah seperti dalam **Jadual 25**.

JADUAL 25
PRESTASI TERIMAAN DIVIDEN PELABURAN PADA TAHUN 2023 BERBANDING 2022

BIL.	BUTIRAN	TAHUN		PERUBAHAN	
		2023 (RM JUTA)	2022 (RM JUTA)	RM JUTA	%
A. Syarikat					
1.	Petroliam Nasional Berhad	40,000.00	50,000.00	(10,000.00)	(20.0)
2.	Actius Terra Global Holdings Sdn. Bhd.	2,100.00	-	2,100.00	100.0
3.	Khazanah Nasional Berhad	1,000.00	500.00	500.00	100.0
4.	Bank Pembangunan Malaysia Berhad	85.00	75.00	10.00	13.3
5.	Pengurusan Aset Air Berhad	21.33	19.01	2.32	12.2
6.	Bank Pertanian Malaysia Berhad	16.00	15.00	1.00	6.7
7.	UDA Holdings Berhad	11.95	38.80	(26.85)	(69.2)
8.	IJN Holdings Sdn. Bhd.	11.55	11.50	0.05	0.4
9.	Pembinaan BLT Sdn. Bhd.	11.00	12.00	(1.00)	(8.3)

BIL.	BUTIRAN	TAHUN		PERUBAHAN	
		2023 (RM JUTA)	2022 (RM JUTA)	RM JUTA	%
10.	SME Bank Berhad	6.22	5.01	1.21	24.2
11.	Syarikat Perumahan Pegawai Kerajaan Sdn. Bhd.	5.98	37.81	(31.83)	(84.2)
12.	Prokhas Sdn. Bhd.	5.94	55.65	(49.71)	(89.3)
13.	Malaysian Kuwaiti Investment Co. Sdn. Bhd.	1.64	0.63	1.01	160.3
14.	Malaysia Debt Ventures Berhad	1.40	1.50	(0.10)	(6.7)
15.	Amanah Raya Berhad	0.60	0.60	-	-
16.	Hotel Seri Malaysia	0.27	-	0.27	100.0
17.	Syarikat Jaminan Pembiayaan Perniagaan Berhad	-	7.26	(7.26)	(100.0)
18.	Cyberview Sdn. Bhd.	-	4.93	(4.93)	(100.0)
Jumlah Syarikat		43,278.88	50,784.70	(7,505.82)	(14.8)
B.	Badan Berkanun				
1.	Bank Negara Malaysia	2,750.00	5,000.00	(2,250.00)	(45.0)
2.	Bank Simpanan Nasional	30.00	30.00	-	-
Jumlah Badan Berkanun		2,780.00	5,030.00	(2,250.00)	(44.7)
JUMLAH KESELURUHAN		46,058.88	55,814.70	(9,755.82)	(17.5)

Sumber: Laporan Imbangan Duga Tunai Disember 2023, Jabatan Akauntan Negara Malaysia

- ii. Peningkatan terimaan dividen adalah daripada sembilan syarikat yang berjumlah RM3.242 bilion meningkat sejumlal RM2.616 bilion (417.9%) berbanding tahun 2022 yang berjumlah RM0.626 bilion. Peningkatan ketara melibatkan terimaan dividen daripada syarikat Actius Terra Global Holdings Sdn. Bhd. sejumlah RM2.100 bilion. Selain itu, Kerajaan Persekutuan juga menerima dividen daripada Khazanah Nasional Berhad dan Bank Pembangunan Malaysia Berhad masing-masing berjumlah RM1.0 bilion dan RM85 juta.
- iii. Terimaan dividen daripada lapan syarikat dan satu badan berkanun yang berjumlah RM42.786 bilion menurun sejumlal RM12.372 bilion (22.4%) berbanding tahun 2022 yang berjumlah RM55.158 bilion. Penurunan terimaan dividen yang ketara adalah daripada Petroliam Nasional Berhad dan Prokhas Sdn. Bhd. yang menurun masing-masing sejumlah RM10.0 bilion dan RM49.71 juta.
- iv. Pada tahun 2023, tiada dividen diterima daripada dua syarikat. Perkara ini disebabkan Cyberview Sdn. Bhd. mengalami kerugian manakala Syarikat Jaminan Pembiayaan Perniagaan Berhad pula tidak mengisytihar sebarang dividen walaupun merekodkan keuntungan.

8.4. Memorandum Liabiliti

Liabiliti Persekutuan adalah berjumlah RM1.492 trilion terdiri daripada Hutang Persekutuan berjumlah RM1.173 trilion dan Liabiliti Kewangan berjumlah RM319.262 bilion. Liabiliti Kewangan ini terdiri daripada Liabiliti PFI berjumlah RM33.471 bilion, Komitmen Kewangan berjumlah RM285.634 bilion dan Pelbagai Liabiliti berjumlah RM0.157 bilion. Liabiliti Persekutuan meningkat sejumlah RM92.038 bilion (6.6%) berbanding tahun 2022 yang berjumlah RM1.400 trilion. Nisbah Liabiliti Persekutuan kepada KDNK adalah 81.8% berbanding 78.0% pada tahun 2022. Butiran adalah seperti dalam **Jadual 26**.

JADUAL 26
KEDUDUKAN LIABILITI PERSEKUTUAN PADA AKHIR TAHUN 2023 BERBANDING 2022

BIL.	BUTIRAN	TAHUN		PERUBAHAN	
		2023 (RM BILION)	2022 (RM BILION)	RM BILION	%
1.	Hutang Persekutuan	1,172.509	1,079.591	92.918	8.6
2.	Liabiliti PFI	33.471	34.492	(1.021)	(3.0)
3.	Komitmen Kewangan	285.634	285.495	0.139	0.05
4.	Pelbagai Liabiliti	0.157	0.155	0.002	1.3
JUMLAH		1,491.771	1,399.733	92.038	6.6
Nisbah Liabiliti Persekutuan Kepada KDNK*		81.8%	78.0%		

Sumber: Nota 10, Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2023 dan Statistik Akaun Negara terbitan Jabatan Perangkaan Malaysia yang dikeluarkan pada 17 Mei 2024

Nota: *KDNK 2023: RM1,822.904 bilion; KDNK 2022: RM1,793.903 bilion

9. LIABILITI LUAR JANGKA

9.1. Liabiliti Luar Jangka akan menjadi liabiliti sebenar Kerajaan Persekutuan sekiranya entiti berkenaan gagal memenuhi obligasi perjanjian atau berlaku peristiwa tertentu. Liabiliti Luar Jangka - Jaminan Berkanun terdiri daripada pinjaman badan berkanun dan syarikat milik Kerajaan Persekutuan yang dijamin oleh Kerajaan Persekutuan serta simpanan pencarum/pendeposit.

9.2. Kerajaan Persekutuan menjamin pencarum/pendeposit di Bank Simpanan Nasional, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Lembaga Tabung Haji dan Skim Simpanan Pendidikan Nasional di bawah Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional. Pada tahun 2023, caruman atau deposit yang dijamin oleh Kerajaan Persekutuan berjumlah RM1.287 trilion meningkat sejumlah RM0.114 trilion (9.7%) berbanding tahun 2022 yang berjumlah RM1.173 trilion.

9.3. Kerajaan Persekutuan juga memberi jaminan kepada pinjaman yang dibuat oleh badan berkanun dan syarikat seperti yang dibenarkan oleh Akta Jaminan Pinjaman

(Pertubuhan Perbadanan) 1965 [*Akta 96*]. Pinjaman yang dijamin oleh Kerajaan Persekutuan menunjukkan trend peningkatan setiap tahun. Bagi tahun 2023, terdapat pertambahan Jaminan Berkanun, iaitu Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) dan Digital Nasional Berhad bagi pinjaman yang dijamin oleh Kerajaan Persekutuan masing-masing berjumlah RM2.0 bilion dan RM1.500 bilion.

9.4. Digital Nasional Berhad diberikan jaminan sehingga RM2.0 bilion ke atas kemudahan pembiayaan jangka pendek (revolving credit) sehingga tahun 2024 bagi tujuan perbelanjaan berkaitan penyediaan infrastruktur rangkaian 5G. Jaminan ini adalah meliputi bayaran balik pokok dan faedah pinjaman.

9.5. LTAT pula diberikan Jaminan Berkanun ke atas instrumen pinjaman sehingga RM2.0 bilion yang akan diperolehi daripada institusi kewangan atau pasaran kewangan tempatan. Jaminan ini juga meliputi bayaran balik pokok dan kupon/faedah pinjaman. Jaminan ini diberikan bertujuan untuk membeli saham milik Boustead Holdings Berhad dalam Boustead Plantations Berhad selepas penamatan Strategic Collaboration Agreement dengan Kuala Lumpur Kepong Berhad. Selain itu, jaminan ini juga bertujuan untuk meneruskan Tawaran Am untuk saham yang dimiliki oleh pemegang saham minoriti dalam Boustead Plantations Berhad.


9.6. Kedudukan amaun belum selesai pinjaman yang dijamin oleh Kerajaan Persekutuan bagi lima badan berkanun dan 21 syarikat menunjukkan peningkatan sejumlah RM10.397 bilion (3.3%) kepada RM328.014 bilion berbanding RM317.617 bilion pada tahun 2022. Butiran adalah seperti dalam **Jadual 27** dan trend kedudukan Jaminan Pinjaman bagi tempoh 2019 hingga 2023 adalah seperti dalam **Carta 10**.

JADUAL 27
KEDUDUKAN JAMINAN BERKANUN
PADA AKHIR TAHUN 2023 BERBANDING 2022

BIL.	JENIS JAMINAN	2023		2022		PERUBAHAN	
		BIL. AGENSI YANG DIJAMIN	RM BILION	BIL. AGENSI YANG DIJAMIN	RM BILION	RM BILION	%
1.	Jaminan Pencarum/Pendeposit	4	1,286.788	4	1,172.781	114.007	9.7
	Jumlah Jaminan Pencarum / Pendeposit	4	1,286.788	4	1,172.781	114.007	9.7
2.	Jaminan Pinjaman:						
	Badan Berkanun	5	99.058	4	95.418	3.640	3.8
	Syarikat	21	228.956	22	222.199	6.757	3.0
	Jumlah Jaminan Pinjaman	26	328.014	26	317.617	10.397	3.3
	JUMLAH KESELURUHAN	30	1,614.802	30	1,490.398	124.404	8.3

Sumber: Nota 11 dan Lampiran 11, Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2023

CARTA 10
TREND KEDUDUKAN JAMINAN PINJAMAN
OLEH KERAJAAN PERSEKUTUAN PADA TAHUN 2019 HINGGA 2023



Sumber: Lampiran 11, Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2019 hingga 2023

Maklum balas Kementerian Kewangan diterima pada 6 September 2024

Kedudukan peningkatan Jaminan Pinjaman adalah bertujuan untuk membiayai projek infrastruktur mega yang masih berjalan seperti Projek MRT yang telah siap sepenuhnya pada tahun 2023, projek LRT3, projek Rel Hubungan Pantai Timur (ECRL), projek lebuhraya Pan Borneo Sarawak selain pertambahan dua Pertubuhan Perbadanan baharu, iaitu Digital Nasional Berhad dan LTAT.

Antara usaha Kerajaan Persekutuan untuk memastikan Liabiliti Persekutuan terkawal adalah melalui langkah-langkah seperti berikut:

- i. penetapan had nilai kuantiti yang perlu dipatuhi seperti yang ditetapkan di dalam Akta Kewangan Awam dan Tanggungjawab Fiskal 2023 [*Akta 850*];
- ii. memastikan kadar pembiayaan dana oleh Pertubuhan Perbadanan yang dijamin adalah dalam lingkungan harga yang rendah yang mana adalah tidak mencecah sehingga 13 mata aras daripada kadar Bon/Sukuk Kerajaan Malaysia berdasarkan kepada kajian unjuran kadar harga sukuk semasa di pasaran;
- iii. membatalkan beberapa fasiliti jaminan yang masih belum dimanfaatkan dari semasa ke semasa seperti fasiliti jaminan pembiayaan sehingga RM5.0 bilion kepada PR1MA yang telah diluluskan pada 14 Mac 2018; dan

- iv. memastikan Pertubuhan Perbadanan yang dijamin mempunyai keupayaan kewangan bagi tujuan bayaran balik pembiayaan dan seterusnya tidak memberi beban kepada Kerajaan.

10. RUMUSAN

10.1. Secara keseluruhannya, prestasi kewangan Kerajaan Persekutuan pada tahun 2023 adalah lebih baik berbanding tahun 2022. Prestasi kewangan Kerajaan Persekutuan menunjukkan peningkatan lebihan hasil sejumlah RM2.028 bilion dan defisit juga menunjukkan penurunan sejumlah RM8.595 bilion menjadikan nisbah defisit kepada KDNK menurun kepada 5.0% berbanding 5.5% pada tahun 2022. Baki defisit Kumpulan Wang Pembangunan sejumlah RM10.217 bilion juga menunjukkan penurunan sejumlah RM1.734 bilion (14.5%) berbanding berbaki defisit sejumlah RM11.951 bilion pada tahun 2022.

10.2. Walau bagaimanapun, Kerajaan Persekutuan perlu memberi perhatian terhadap trend peningkatan Liabiliti Persekutuan yang terdiri daripada Hutang Persekutuan dan Liabiliti Kewangan yang meningkat sejumlah RM92.038 bilion (6.6%) berbanding tahun 2022. Nisbah Liabiliti Persekutuan kepada KDNK turut meningkat sebanyak 81.8% berbanding 78.0% pada tahun 2022.

11. SYOR AUDIT

Kerjasama daripada semua peringkat, termasuk di peringkat Pusat Tanggungjawab dan Jabatan serta pemantauan yang berterusan dan efektif di peringkat Kementerian diperlukan untuk memastikan disiplin kewangan dilaksanakan. Sehubungan itu, pihak Audit mengesyorkan tindakan berikut diambil:

11.1. Memperkasakan usaha penjanaan hasil bagi membolehkan lebihan hasil digunakan untuk membiayai perbelanjaan pembangunan dan mengurangkan defisit fiskal serta kebergantungan kepada pinjaman baharu. Ini termasuk usaha mempertingkatkan disiplin perbelanjaan mengurus dengan melaksanakan perbelanjaan bersasar dan mempunyai nilai untuk wang (value for money).

11.2. Memantapkan tatakelola pengurusan kewangan syarikat-syarikat Kerajaan bagi mengurangkan kebergantungan kepada bantuan kewangan daripada Kerajaan di samping memberi pulangan dividen kepada Kerajaan Persekutuan.